

# Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan

**BITARA**Volume 3, Issue 2, 2020: 186-198  
© The Author(s) 2020  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## [Asimilation of Chinese Community and Malays in Kelantan]

Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaari<sup>1</sup>

### Abstrak

Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang didiami oleh majoriti komuniti Melayu Islam. Selain itu, komuniti lain seperti Cina, India dan Siam turut mendiami negeri ini. Masyarakat Cina merupakan golongan kedua terbesar yang mendiami negeri Kelantan. Masyarakat Cina Kelantan mempunyai hubungan yang unik dan kuat dengan masyarakat Melayu Islam. Mereka mudah bergaul, makan bersama, bercakap dalam dialek Melayu Kelantan dan melakukan pelbagai aktiviti bersama masyarakat Melayu. Namun demikian, asimilasi yang berlaku ini tidaklah menjadi sebab tertariknya mereka kepada Islam. Mereka cenderung mengamalkan agama dan kepercayaan mereka. Menerusi kajian ini, metode analisis kandungan digunakan untuk kajian mengenai asimilasi masyarakat Cina di Kelantan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang asimilasi masyarakat Cina di Kelantan.

### Kata kunci:

Asimilasi, Masyarakat Cina, Melayu, Islam.

### Abstract

Kelantan is a state in Malaysia resided mainly by the majority Muslim Malays. In addition, other communities such as the Chinese, Indians and Siamese also live the state. Chinese society is the second largest group to live in Kelantan. The Chinese community of Kelantan has a unique and strong relationship with the Malay Muslims. They are easy to get along, eating out together, speaking the Kelantanese dialect and do various activities with them. However, this assimilation did not cause them to be attracted to Islam. They tend to practice their religion and beliefs. Through this study, the method of content analysis is used to examine the assimilation of the Chinese community in Kelantan. In this regard, the research aims to discuss the assimilation of the Chinese community in Kelantan.

### Keywords:

Assimilation, Chinese, Malay, Islam.

**Cite This Article:**

Muhammad Faris Abdul Fatah & Muhamad Faisal Ashaari. 2020. Asimilasi masyarakat Cina dengan Orang Melayu di Kelantan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 186-198.

<sup>1</sup> Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

**Corresponding Author:**

MUHAMAD FAISAL ASHAARI, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: faisal@ukm.edu.my

## Pengenalan

Masyarakat Cina Kelantan lebih dikenali sebagai Cina Kampung atau Cina Peranakan Kelantan merupakan kumpulan minoriti dalam kumpulan etnik Cina Malaysia yang memperlihatkan tahap asimilasi yang tinggi terhadap warisan Melayu (luar bandar) Kelantan dan juga masyarakat Thai Kelantan. Bahasa dan budaya Cina Peranakan Kelantan dalam kehidupan seharian memperlihatkan penggabungan elemen-elemen Cina-Melayu-Thai. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, masyarakat Cina di negeri Kelantan seramai 51,614 orang, mewakili 3.4% daripada keseluruhan rakyat Kelantan yang berjumlah 1,539,601 orang. Berdasarkan statistik ini, kajian berkaitan asimilasi masyarakat Cina dengan Orang Melayu Kelantan wajar diberi perhatian yang khusus untuk menyuburkan dan menarik minat masyarakat Cina Kelantan memahami dan menerima Islam sebagai pegangan agama. Proses asimilasi yang berlaku dalam masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu Islam di negeri Kelantan akan memberi impak yang menyumbang kepada keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum di negeri Kelantan.

Terdapat dua aspek utama yang difokuskan iaitu keadaan negeri Kelantan yang didominasi dengan budaya Islamik dan masyarakat Cina Kelantan yang terkenal dengan keakraban mereka dengan masyarakat Melayu di sana dan dikenali sebagai “Cina Kampung”. Ini merupakan satu aspek yang dianggap unik kerana tahap asimilasi budaya yang ditunjukkan antara orang Melayu dan Cina di Kelantan adalah baik. Proses asimilasi ini juga semestinya melibatkan aspek yang berkaitan agama Islam yang merupakan agama dominan masyarakat Melayu Kelantan kepada masyarakat Cina di sana.

## Sejarah Kemasukan Orang Cina Ke Kelantan

Negeri Kelantan telah menjadi pusat pelabuhan dan juga perdagangan yang utama dalam laluan perdagangan maritim sejak 1368. Proses perdagangan ini terjadi antara negara di Barat (Eropah, Arab dan India) dengan negara di Timur (Kemboja dan China) (Rentse 1934). Di dalam laluan tersebut, kapal-kapal singgah di Kelantan terlebih dahulu sebelum menyeberangi Teluk Siam untuk ke Kemboja dan seterusnya ke China (Rentse 1934). Justeru, menurut Pue (2012) bukanlah satu perkara pelik jika Kelantan dikenali dengan pelbagai nama dan terdapat pula dalam catatan-catatan pedagang, mualigh dan pengembara di dalam zaman tersebut. Antara gelaran kepada Kelantan ialah ‘Calantan’, ‘Calantam’, ‘Calantao’, yang diberikan oleh Portugis dan ‘Ho-lan-tan’, ‘Kuo-lan-tan’ dan ‘Chi-lan-tan’ yang diberikan oleh pedagang Cina.

Masyarakat Cina di Kelantan lebih dikenali sebagai Cina Kampung atau Cina Peranakan. Mereka adalah kelompok serta keturunan yang telah berhijrah dari China ke Tanah Melayu sejak 300 tahun lalu yang dikatakan berasal daripada wilayah Fukien, Kwantung, Kwangsi dan Hainan dan terdiri daripada pelbagai kelompok bahasa (Mohammad Idris 1977). Kelompok ini juga dipercayai telah berhijrah ke Malaysia, khususnya ke Kelantan dan juga Patani, Thailand, dalam kumpulan-kumpulan kecil, lama sebelum pertengahan abad 19 lagi. Kedatangan mereka dipengaruhi oleh faktor berkaitan ekonomi dan juga krisis politik yang berlaku di China. Teo (2003) menjelaskan bahawa kelompok ini merupakan sebahagian daripada kumpulan Cina

yang dibawa masuk atau datang ke Malaysia pada pertengahan abad 19 dan awal abad 20, bagi membantu penjajah Inggeris mengembang serta memantapkan ekonomi mereka di Malaysia.

Mereka terbahagi kepada dua iaitu Cina Bandar dan Cina Kampung atau dikenali juga sebagai Cina Peranakan. Kumpulan pertama ialah Cina yang berhijrah ke Kelantan pada permulaan abad ke 20 dan terdiri dari etnik Kantonis, Hakka dan sebagainya. Golongan ini merujuk kepada keturunan Cina yang berhijrah pada masa pemerintahan British pada permulaan abad ke 20 dan banyak mendiami kawasan pekan atau bandar (Chew 1993). Manakala kumpulan kedua pula ialah kumpulan yang dikenali sebagai Cina Kampung. mereka merupakan keturunan Cina yang berhijrah ke Kelantan pada awal abad ke 15 dan berasal dari etnik Hokkien serta mereka menetap di tebing-tebing sungai Kelantan dan menjalani kehidupan sebagai petani (Chew 1993). Pada asalnya, kedua kelompok cina ini berasal daripada etnik yang sama, tetapi dari segi budaya hidup, mereka dilihat mempunyai jurang perbezaan yang tinggi. Selain itu, percampuran ini dapat dilihat melalui tradisi lisan yang ada dalam masyarakat seperti dalam bentuk bahasa, cara berpakaian, makanan, kesenian, kraf tangan, kaedah perubatan dan sebagainya. Menurut Chew (1993), masyarakat Cina Kampung lebih mudah dikatakan sebagai Cina Peranakan dan mereka telah mengamalkan campuran budaya samada secara lisan maupun melalui perbuatan mereka.

Masyarakat Cina di Kelantan juga didapati mempunyai pertalian yang kuat serta berkongsi agama dengan masyarakat Siam yang tinggal di Kelantan. Kedua-duanya adalah beragama Buddha cuma berbeza aliran. Menurut Nik Zawawi (2016), masyarakat Cina Kelantan beragama Buddha aliran *Mahayana* manakala masyarakat Siam Kelantan pula adalah penganut agama Buddha aliran *Hinayana* (*Theravada*). Selain itu, masyarakat Cina di Kelantan juga mempunyai latar belakang sosio-ekonomi yang berbeza dengan masyarakat Siam di sana. Kebanyakan orang Siam di Kelantan melakukan pekerjaan sebagai petani manakala orang Cina pula berniaga. Faktor ini menjadikan masyarakat Cina di Kelantan juga lebih berpengaruh dalam kalangan orang melayu berbanding masyarakat Siam di sana.

## Pembentukan Etnik Masyarakat Cina Peranakan Kelantan

Penggunaan Istilah peranakan adalah kebanyakannya digunakan di Asia Tenggara khususnya kepulauan Melayu. Istilah ini digunakan untuk merujuk kepada subkumpulan etnik bukan peribumi yang ketara sifat kemelayuannya dalam pelbagai aspek termasuklah fisiobiologi, nilai, norma, adat resam, bahasa dan perlakuan mereka (Pue 2012). Selain itu, evolusi peranakan ini juga dijelaskan sebagai "...its [Peranakan] semantic range was metaphorically extended to mean "local born of non-indigenous races" and/or as a metaphor of "Malay assimilation of non-Malay ethnic groups..." " (Teo 2008).

Manakala bagi Asia Tenggara, wujud beberapa buah komuniti etnik bukan peribumi yang terkenal dengan sifat kemelayuannya dan dikategorikan sebagai peranakan. Komuniti peranakan ini diasaskan oleh sebahagian daripada golongan imigran yang datang dan tiba di kepulauan Melayu pada abad ke-19 (Pue 2012). Kedatangan ini adalah daripada beberapa kumpulan etnik yang datang daripada India, China, Arab, dan Eropah. Keberadaan mereka di Tanah Melayu dalam jangka masa yang panjang telah melahirkan komuniti Peranakan yang

pelbagai seperti Peranakan Jawi, Cina Peranakan, Hindu peranakan Punjabi peranakan dan juga Eurasian-Portugis.

Komuniti Cina Peranakan yang ada di Tanah Melayu pula adalah diasaskan oleh orang Cina yang telah menetap di kepulauan Melayu sebelum era kolonialisasi daripada barat bermula. Komuniti Cina Peranakan telah wujud di negara ini lebih kurang 200 tahun yang lalu. Sesetengah daripada mereka kekal menetap dan tinggal di kawasan-kawasan yang giat dengan aktiviti perdagangan maritim yang ada di kepulauan Melayu bersama dengan Isteri mereka yang terdiri daripada wanita Peribumi (Khoo 2010). Di Malaysia khususnya, komuniti Cina peranakan wujud di beberapa buah negeri seperti di Pulau Pinang, Melaka, Terengganu dan Kelantan. Perihal berkaitan masyarakat Cina Peranakan telah banyak dikaji dan tulis oleh beberapa pengkaji. Sebagai contoh, perihal Cina Peranakan di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura adalah saling terkait dan mereka dikategorikan sebagai Cina Selat (*Straits Chinese*). Antara pengkaji berkaitan Cina Peranakan di Malaysia adalah seperti Tan (1993), Khoo (1996), Suryadinata (2007b) dan Sohaimi (2010).

Asal usul Cina peranakan khususnya bagi negeri Kelantan boleh digalurkan sebagai hubungan awal dan lama antara orang Cina dari negara China dengan masyarakat peribumi setempat, khasnya kumpulan komuniti Melayu dan Siam. Hubungan sosial yang wujud itu kemudian diperkuatkan lagi dengan adanya perkahwinan campur pada awal pertumbuhan masyarakat Cina peranakan di Kelantan. Sejarah pembentukan etnik Cina Peranakan Kelantan bermula dengan perkahwinan campur di antara lelaki Cina dari negara China dengan wanita Thai yang berada di Kelantan dan Patani, Thailand pada penghujung abad 18 (Teo 2003).

Tambahan lagi, masyarakat Siam mempunyai susur-galur keturunan etnik Thai yang mengamalkan perkahwinan campur dengan etnik Cina. Zuriat yang lahir daripada perkahwinan eksogomi ini antara kedua-dua kumpulan etnik ini dikenali sebagai (Jin-Sayam) ataupun Cina-Siam (Pue 2012). Golongan ini juga telah mengalami proses asimilasi yang aktif atas galakan daripada pemerintah Thailand pada ketika itu (Chantavanich 1997). Perbezaan istilah Cina Peranakan ini wujud bagi masyarakat Cina Kelantan juga adalah hasil daripada proses perkahwinan campur yang berlaku di antara dua komuniti. Cina Peranakan di Kelantan adalah berbeza dengan masyarakat Cina di negeri lain. Hanapi (1986) menjelaskan bahawa bentuk ini sangat berbeza di Kelantan kerana komuniti Cina kampung di negeri Kelantan dilabelkan sebagai ‘Cina peranakan’ manakala di negeri-negeri lain pula, pembahagian tersebut adalah mengikut kumpulan dialek Cina itu sendiri iaitu Hakka, Kantonis, Teochiu, Hokchia dan Hainan.

Menurut Goode dalam Giddens (1990), perkahwinan eksogomi telah melahirkan istilah perkahwinan silang antara kaum atau perkahwinan campur yang melibatkan dua budaya yang berbeza. Dari segi ilmu sosiologi, perkahwinan campur antara komuniti ini dipanggil amalgamasi. Amalgamasi merupakan istilah yang merujuk kepada perkahwinan campur antara kaum, contohnya komuniti Cina dan Siam. Proses amalgamasi biasanya dikaitkan dengan asimilasi budaya kerana berkaitan dengan interaksi antara dua budaya berbeza. Perkahwinan ini boleh diaplikasikan kepada kes kahwin campur antara komuniti. Perkahwinan campur antara lelaki Cina dengan wanita setempat, khususnya yang bukan Islam, banyak dilaporkan dalam kosa ilmu tentang Cina Peranakan di Nusantara (Teo 2008).

Namun, kebanyakan perkahwinan campur yang terjadi adalah antara komuniti Cina dengan Siam dan bukannya dengan Orang Melayu kerana perkahwinan di antara kaum lelaki

Cina ini dengan wanita-wanita Melayu adalah tidak dibenarkan. Selain itu berdasarkan catatan oleh Hsieh, orang-orang Cina di Kelantan telah mengamalkan perkahwinan campur dengan wanita Siam pada akhir abad ke-17 dan ini dilihat sebagai titik permulaan bagi pembentukan komuniti Cina peranakan Kelantan (Teo 2008). Tweedie (1953), Wang Gungwu (1988) dan Teo (2008) menyatakan bahawa orang Melayu (*natives*) tidak membenarkan wanita mereka mengahwini orang Cina bahkan orang Cina juga agak jarang berkahwin dengan orang Melayu. Ini mungkin terjadi kerana orang Islam tidak membenarkan perkahwinan penganutnya dengan mereka yang beragama lain tanpa pasangan itu memeluk Islam terlebih dahulu. Menurut Teo (2008) lagi, hal ini menyebabkan mereka lebih untuk cenderung mengahwini wanita Siam.

Persamaan agama memudahkan perkahwinan campur antara dua komuniti ini. Dari segi sejarah kahwin campur, biasanya perkara ini terjadi antara Cina Buddha, sementara bagi golongan Melayu Muslim pula adalah jarang sekali berlaku (Teo 2008). Beliau menjelaskan bahawa anak yang lahir hasil daripada perkahwinan campur ini membesar sebagai orang Thai berbanding sebagai orang Cina di bawah pengaruh ibunya. Justeru, budaya dan bahasa Thai lebih cepat meresap ke dalam kehidupan anak-anak mereka. Namun demikian, perkahwinan campur antara lelaki Cina dan wanita Melayu juga tidak dinafikan wujud tetapi dalam kadar yang amat sedikit dan lelaki Cina yang berkahwin dengan wanita Melayu telah berasimilasi dengan budaya Melayu (termasuk memeluk Islam) dan seterusnya terserap dalam masyarakat melayu itu sendiri (Reid 2008).

Melalui perkahwinan campur ini, maka berlakunya proses asimilasi budaya yang kukuh antara kaum di Kelantan di antara orang Cina dengan Siam. Pada awal abad 19, Cina Peranakan Kelantan didapati sudah pun stabil sebagai sebuah kumpulan dengan bilangan lelaki Cina yang berkahwin dengan wanita Thai-Siam yang agak besar. Oleh kerana masyarakat Siam juga telah sebat dengan budaya masyarakat Melayu di Kelantan, maka kehidupan sosial keluarga Cina-Siam ini juga yang dipengaruhi oleh budaya Melayu sebagai tradisi dominan di Kelantan (Teo 2003). Lama-kelamaan kehidupan mereka sebagai golongan minoriti yang dikelilingi oleh masyarakat Melayu di samping pengaruh Isteri mereka ke atas kehidupan mereka dan anak-anak mereka telah menyebabkan budaya Cina yang diamalkan oleh komuniti ini semakin dipengaruhi oleh budaya tempatan. Proses perkahwinan antara dua komuniti iaitu Cina-Siam Thai dan percampuran budaya Melayu yang kuat dalam kehidupan komuniti ini, menandakan bermula dan lahirnya komuniti baru yang dikenali sebagai Cina Peranakan di Kelantan.

## Konsep Asimilasi

Asimilasi merujuk kepada satu proses penggabungan kebudayaan masyarakat yang berbeza-beza untuk membentuk satu kebudayaan serta identiti masyarakat yang baru dan boleh mendatangkan dua jenis kesan yang berbeza. Melalui asimilasi proses percantuman dan penyatuan di antara etnik yang berlainan budaya berlaku sehingga membentuk satu kelompok dengan kebudayaan dan identiti yang sama. Kumpulan minoriti kehilangan identiti akibat diserap oleh kumpulan dominan dari segi kebudayaan dan sosial.

Oleh yang demikian, Baterah Alias et.al (2017) menyatakan bahawa asimilasi adalah satu proses percantuman antara budaya kelompok berlainan hingga membentuk satu budaya dan identiti yang sama apabila kumpulan minoriti kehilangan identiti kelompoknya dan diserap oleh

kumpulan yang dominan. Proses ini akan memberikan kesan terhadap kelompok minoriti yang ada tersebut. Menurut Hamidah et.al (2009) kesan yang dapat dilihat daripada asimilasi yang pertama adalah apabila kelompok masyarakat yang diasimilasikan akan berubah menjadi satu kelompok yang baru dengan menghilangkan kebudayaan serta identiti asalnya dan kedua, kelompok yang diasimilasikan akan mengamalkan kebudayaan baru yang dicipta hasil daripada percantuman budaya antara kelompok dengan kebudayaan asalnya.

Asimilasi secara mutlak dan sempurna akan menyebabkan berlakunya penghapusan penuh serta perbezaan dari segi kebudayaan dan identiti kepada kumpulan minoriti tersebut. Formula (A+B+C=A) digunakan bagi menjelaskan konsep asimilasi ini (Baterah et.al 2017). Oleh itu, proses asimilasi boleh berlaku apabila golongan minoriti bersedia untuk menyerap budaya golongan majoriti dan golongan majoriti bersedia menerima golongan minoriti tersebut dan proses ini ialah asimilasi sehala.

## **Asimilasi dari Sudut Bahasa**

Asimilasi antara masyarakat Cina dan Melayu Kelantan dapat dilihat dengan jelas dari sudut bahasa dan pakaian. Dari sudut bahasa, terdapat beberapa persamaan yang wujud antara masyarakat Melayu dan Cina Kelantan khususnya dalam penggunaan loghat/ dialek Kelantan yang diketahui umum. Masyarakat Cina Peranakan kebanyakannya memang menggunakan bahasa Melayu dialek Kelantan dalam kehidupan seharian mereka. Bahasa dialek ialah bahasa yang berlainan dengan Bahasa Melayu rasmi. Sebagai contohnya, “mu make gapo tu?” yang membawa maksud “kamu makan apa?”. Masyarakat Cina Peranakan masih mengamalkan dialek Hokkien namun dialek ini agak berbeza dengan penggunaan dialek Hokkien yang digunakan oleh komuniti Hokkien di negeri-negeri lain. Hal ini berlaku kerana dialek Hokkien Cina Peranakan Kelantan ini telah dihasilkan dari percampuran loghat Hokkien, Melayu Kelantan dan Siam kampung.

Bahkan dalam pertuturan harian, golongan dewasa masyarakat Cina Peranakan biasanya mereka menggunakan dialek Melayu Kelantan. Golongan tua pula sering menggunakan dialek Siam. Golongan muda menggunakan dialek Hokkien dalam perhubungan sesama mereka. Golongan tua pula mempunyai masalah yang besar apabila mereka hendak berkomunikasi dengan masyarakat Cina di luar negeri Kelantan. Hal ini disebabkan mereka hanya mengetahui bahasa loghat Hokkien yang mereka gunakan tersebut (Mohamad Nazri et.al 2011). Selain itu, mereka juga terdedah dengan pengaruh unsur-unsur Islam terutama pengaruh Bahasa Arab dalam pertuturan seharian dalam dialek Kelantan. Contohnya mereka juga boleh menyebut ‘sa-le’ atau salam, pondok, ‘ba-la-sah’ atau madrasah / surau, ‘se-ma-ye’ atau sembahyang dan sebagainya (Mohd Roslan & Haryati Hasan 2010)

Selain kemahiran masyarakat Cina Kelantan berbahasa Melayu, mereka juga mempunyai pengetahuan tentang tulisan jawi. Ramai di antara golongan tua dari kalangan Cina Kelantan yang mempunyai kemahiran menulis dan membaca tulisan jawi. Mereka memperoleh kemahiran membaca dan menulis jawi ini sewaktu alam persekolahan dan belajar di sekolah Melayu. Belajar menulis dan membaca jawi merupakan perkara wajib kerana sekolah Melayu dalam era 1940-an dan 1950-an menggunakan bentuk tulisan ini dalam kaedah pengajarannya

(Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo 2011) sehingga membawa mereka kepada tahap boleh membaca dan memahami tulisan tersebut dengan baik.

## **Asimilasi dari Sudut Pakaian**

Pengaruh hubungan antara orang Melayu dan Cina juga boleh dilihat melalui budaya berpakaian dalam masyarakat Cina Peranakan Kelantan yang merupakan satu aspek yang menarik apabila memperkatakan cara hidup masyarakat ini. Mohamad Nazri et.al (2011) menyatakan bahawa budaya berpakaian ahli masyarakat Cina Peranakan yang masih tinggal di kampung dalam kehidupan seharian mereka ialah kain batik, kain pelekat, kain batik lepas, baju Melayu dan baju kurung. Pakaian ini biasanya dipakai oleh golongan dewasa terutama sekali yang hidup sebagai petani.

Dalam kehidupan seharian mereka, biasanya orang lelaki dewasa memilih kain pelekat atau sarung batik, bersemutar dan jarang berbaju semasa berada dalam kampung mereka. Apabila mereka berada di rumah, mereka jarang berbaju, istilahnya berlenggang sahaja. Jika hendak ke bandar, barulah mereka memakai seluar pendek atau seluar panjang. Mereka hanya akan memakai baju Melayu atau kemeja dan berseluar panjang apabila menghadiri majlis rasmi ataupun keramaian. Bagi orang perempuan pula, biasanya mereka memilih kain sarung, baju kurung dan kain batik lepas. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan yang terjalin di antara masyarakat Melayu Kelantan dengan masyarakat Cina Peranakan Kelantan.

## **Asimilasi dari Sudut Makanan**

Jalinan hubungan di antara masyarakat Cina dan Melayu juga dapat dilihat menerusi aspek makanan. Makanan menjadi salah satu penanda asimilasi apabila jenis hidangan dan cara masakan masyarakat Cina Peranakan Kelantan mempunyai persamaan dengan masyarakat Melayu seperti sajian nasi kerabu, nasi lemak, tomyam, gulai dan ulam-ulaman tempatan dan penggunaan budu sebagai pelengkap di dalam makanan. Tambahan lagi, walaupun mereka merupakan keturunan Cina, namun Cina Peranakan Kelantan mempunyai selera terhadap masakan yang menggunakan rempah, lada dan santan (Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo 2011).

Selain masakan berunsurkan lauk-pauk, orang Cina Kelantan juga mampu untuk menghasilkan kuih-kuih tradisional seperti yang ada dalam masyarakat Melayu Kelantan. Mereka mampu menghasilkan kuih seperti tapai, ketupat, pulut kuning dan ‘lepop’ (dodol durian) (Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo 2011). Manakala menurut Pue & Charanjit (2014) seain masakan, adat makan orang Cina Peranakan Kelantan turut menampakkan pengaruh budaya tempatan di mana mereka mahir makan menggunakan tangan kanan dan kebiasaanya makan menggunakan tangan kanan seperti orang Melayu. Perubahan ini juga menunjukkan bahawa mereka sudah menyesuaikan diri dengan masyarakat Melayu dan ‘keluar’ dari stigma orang Cina (Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo 2011) yang cenderung kepada masakan berair, tidak pedas dan berempah kepada makanan yang berorientasikan Melayu. Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo (2011) menyatakan bahawa hal ini disebabkan

cara hidup mereka di kalangan masyarakat Melayu menyebabkan ‘lidah’ mereka sudah ‘dimelayukan’.

## Asimilasi dari Sudut Nama Panggilan

Nama merupakan satu aspek penting kepada identiti seseorang individu lebih-lebih lagi bagi negara Malaysia yang merupakan negara multi etnik. Nama yang ada dapat menonjolkan entisiti bagi seseorang individu seperti Melayu, Cina, India dan sebagainya. Nama bagi masyarakat Cina Kelantan terdiri daripada nama keluarga dan nama peribadi seperti orang Cina lain. Bagi masyarakat Cina Kelantan, pengaruh dialek Melayu Kelantan dapat dilihat menerusi penggunaan nama ‘Mek’ seperti nama Mek Bee (Pue 2012). Masyarakat generasi lama bagi Cina Peranakan Kelantan mempunyai keunikan kerana menggunakan nama gelaran yang berunsurkan kemelayuan.

Pue (2012) menyatakan bahawa nama gelaran Melayu bagi masyarakat Cina terbit daripada nama peribadi yang di Melayukan seperti ‘Fai’ yang diterjemah menjadi ‘Bunga’ dalam bahasa Melayu dan memandangkan ia merupakan nama wanita, maka ia digandingkan dengan gelaran ‘Mek’ dan disebut dengan panggilan ‘Mek Bunga’. Manakala nama bagi lelaki pula ditukar kepada bunyi yang lebih berbunyi Melayu seperti ‘Lee’ menjadi ‘Ali’ dan ‘Wang’ menjadi ‘Awang’. Selain itu, nama mereka yang berunsurkan Melayu juga diberikan oleh sahabat atau kenalan yang terdiri daripada orang Melayu itu sendiri. Menurut Mohamad Nazri; Hanapi Dollah; Teo (2011) pemilihan nama menyebabkan mereka mudah dikenali oleh masyarakat Kelantan yang lain. Hanya *surname* sahaja yang masih mereka gunakan. *Surname* itulah menyebabkan mereka masih lagi ditandai sebagai orang Cina. Pemilihan nama seperti Lau Awang, Tan Awang Besar, Chua Chai Tit, Mek Yang adalah sebagai contoh penamaan anak-anak mereka.

## Halangan Asimilasi Masyarakat Cina dengan Orang Melayu Kelantan

Secara umumnya, orang cina dan orang Melayu mempunyai hubungan yang akrab dan saling boleh bertolak ansur antara satu sama lain. Kekuatan hubungan ini telah pun dijelaskan oleh beberapa pengkaji seperti Mohd Shahrul (2013), Tan (1983), Teo (2003) (2008) dan Mohamad Nazri et. al (2011). Sebagai sebuah komuniti imigran, nenek moyang mereka berhadapan dengan cabaran dan penerimaan oleh penduduk tempatan untuk bersosial atau menjalinkan hubungan sosial. Tan (1983) menyatakan bahawa identiti orang Cina dalam proses akulturasi itu telah memfokuskan reaksi orang Cina di Malaysia kepada faktor luaran yang mengancam identiti mereka. Identiti dan budaya orang Cina di Malaysia dilihat sebagai realiti sosial yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut keadaan dalam interaksi etnik dan perkembangan politik semasa di Malaysia.

Selain itu, Mohd Shahrul (2013) menyatakan bahawa semasa penempatan awal orang Cina di Kelantan, mereka berhadapan dengan situasi seperti persekitaran yang terdiri dari pelbagai kaum, terutama Melayu dan Siam dan jenis-jenis pekerjaan yang mempengaruhi

pembentukan komuniti baharu dalam masyarakat Melayu di negeri Kelantan khususnya dan Malaysia umumnya. Tambahan lagi, identiti orang Cina dibentuk oleh kekuatan dalaman masyarakat mereka sendiri ataupun kekuatan sosioekonomi dan politik. Kerana itu, terdapat dan wujud berbagai-bagai corak kebudayaan dan identiti Cina di seluruh dunia (Tan 1983).

Melalui proses akulturasi, adaptasi, asimilasi dan pengekalan identiti, komuniti Cina Peranakan di Kelantan membangunkan diri mereka sebagai sub-etnik dalam kalangan komuniti besar masyarakat Melayu di samping sub-etnik lain seperti Siam. Adaptasi budaya antara imigran Cina dan masyarakat Melayu Kelantan memudahkan akulturasi awal Cina Peranakan Kelantan. Amalan perkongsian sosiobudaya, terutama berkaitan dengan budaya dan bahasa mempunyai kesan untuk menarik percampuran Cina dan Melayu yang secara jelas mempunyai elemen tingkah laku budaya yang tersendiri, seperti nenek moyang komuniti Cina Peranakan mempunyai asimilasi yang panjang dalam masyarakat Melayu. Komuniti Cina Peranakan juga menunjukkan satu budaya Melayu yang diamalkan dan memperlihat sosiobudaya mereka sehingga hari ini (Mohd Shahrul 2013). Percampuran budaya ini menunjukkan betapa eratnya hubungan antara dua komuniti ini di Kelantan. Ianya juga menunjukkan bahawa asimilasi budaya berlangsung dengan jayanya antara masyarakat Cina dan Melayu Kelantan.

Walaupun sudah berasimilasi sejak sekian lama, dan mampu untuk hidup dengan aman, namun dalam masa yang sama, ada beberapa pengkaji yang mendapati bahawa hubungan ini sungguhpun baik pada umumnya, tetapi masih terdapat perasaan curiga dan prasangka yang wujud sesama mereka khususnya dalam bab beragama. Proses asimilasi berkaitan agama yang berlaku tidaklah serancak asimilasi budaya yang ada antara masyarakat Cina dan Melayu di Kelantan. Ketidakserasan antara masyarakat Cina dan Melayu Kelantan wujud dalam aspek ini. Masyarakat Cina di negeri Kelantan kebanyakannya masih teguh dengan agama nenek moyang mereka iaitu agama Buddha. Perkara ini mungkin juga adalah hasil daripada larangan perkahwinan antara lelaki Cina dengan wanita Melayu yang ada pada awal kedatangan mereka ke negeri Kelantan ini. Hal ini selari dengan firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah ayat 221

وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنْنَ وَلَأَمَّةٌ مُؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَنَمُّ وَلَا تُنْكِحُوا الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ  
يُؤْمِنُوا وَلَعَذْنَ مُؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَنَمُّ أَوْ لِئَلَّا يَدْعُونَ إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ يَدْعُ إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ  
وَبِيُّنَ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَكَبَّرُونَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mengahwini wanita-wanita musyrik sehinggalah mereka beriman, sesungguhnya seorang hamba yang mukmin itu lebih baik daripada wanita yang musyrik meskipun kamu menyukainya Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya budak yang mukmin lebih baik dari orang musyrik, walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan ampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran.”

Dalam Islam, perkahwinan campur dengan kaum dan negara yang lain adalah dibolehkan dan tidak dilarang dengan syarat pasangan yang ingin dinikahi itu adalah wajib beragama Islam. Manifestasi daripada ini lelaki Cina memilih wanita Siam untuk dijadikan Isteri dan

meneruskan kehidupan mereka. Hal ini juga kerana kerapatan antara orang Cina dan Siam yang berkongsi agama yang sama iaitu Buddha walaupun berbeza mazhab iaitu mazhab Thervada (Siam) dan Mahayana (Cina). Namun demikian, terdapat juga sesetengah penyelidik yang berpandangan masyarakat Melayu Kelantan adalah bersifat komunal khususnya di peringkat kampung-kampung dan negeri. Mereka biasanya bersikap lebih terbuka dengan orang sekampung dan lebih dingin serta curiga dengan orang luar sama ada etnik lain mahupun etnik Melayu sendiri (Pue 2012). Oleh yang demikian, sesetengah penyelidik berpandangan bahawa persepsi yang ada dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan memainkan pengaruh yang lebih besar terhadap tindakan mereka yang tidak membenarkan perkahwinan campur ini dan bukannya setakat perbezaan agama semata-mata (Teo 2003).

Pengaruh Islam adalah kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu Kelantan sehingga kini. Contoh yang ketara dapat dilihat dari sudut pemerintahan kerajaan negeri yang mengamalkan sistem pentadbiran negeri yang bercorak Islamik dan mengisyiharkan ibu negerinya iaitu Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam. Seperti Patani, Kelantan merupakan sebuah negeri yang berpegang kepada ajaran Islam yang kuat dan telah dikenali sebagai sebuah negeri jolokan Serambi Mekah sejak abad ke-19 lagi (Pue 2012). Berdasarkan sistem pemerintahan negeri Kelantan, dikuasai oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Oleh yang demikian corak pentadbiran negeri Kelantan adalah berbeza kerana beracuankan agama Islam, sehingga terdapat juga beberapa pengkaji seperti (Ngeow 2004) yang tidak berapa suka akan perkara ini yang menggelar ianya sebagai sebuah acuan Islam ortodoks.

Oleh kerana hubungan kaum antara Melayu dan Cina sederhana, maka perspektif orang Cina terhadap agama Islam secara puratanya adalah sederhana (Mohd Azhar et. al 2012). Hak untuk bebas beragama merupakan kerangka utama kepada kesatuan etnik dan keharmonian kehidupan di Malaysia. Namun, hubungan antara kaum yang ada di Kelantan antara orang Melayu dan Cina adalah berada pada tahap yang baik dan perbezaan agama serta kepercayaan yang ada tidaklah sampai mencetuskan jurang yang besar di antara dua kelompok ini. Tidak dapat dinafikan bahawa negeri Kelantan terkenal dengan reputasinya sebagai sebuah negeri yang mengamalkan ajaran Islam dengan kuat dan kukuh serta dianggap sebagai *cradle of Malay Culture* (Pue 2012). Namun demikian, aspek yang kurang diketahui oleh masyarakat luar adalah hakikat bahawa negeri Kelantan juga adalah sebuah negeri yang terpenting dalam perkembangan ajaran Buddha Theravada yang popular dalam kalangan masyarakat Siam.

Perkembangan bagi Buddha Threvada di Kelantan juga adalah berlaku dengan pengaruh dominasi etnik Melayu beragama Islam yang ada di negeri itu. Hubungan yang harmoni antara kaum yang berlainan agama ini juga wujud kesan daripada kefahaman umum dalam kalangan mereka bahawa penyebaran bagi agama Buddha adalah dihadkan kepada orang bukan Melayu sahaja (Mohamed Yusoff 2000: 2010). Tambahan lagi, Sultan Kelantan selaku pemerintah negeri juga diangkat dan mempunyai simbolik sebagai pelindung Buddhisme Threvada di Kelantan. Simbol raja Melayu ini diambil kerana pengikut agama Buddha di Kelantan tidak mempunyai raja yang beragama Buddha dan Sultan Kelantan walaupun berlainan agama iaitu Islam diangkat sebagai simbol dan struktur penting di dalam hierarki formal Buddha Threvada (Mohamed Yusoff 2000). Ini menunjukkan betapa komuniti Siam di Kelantan amat menghormati institusi diraja Kelantan walaupun berlainan agama. Pemikiran ini juga telah bercambah apabila berlaku percampuran di antara kelompok etnik Cina dan Siam yang melahirkan komuniti Cina Peranakan Kelantan.

Justeru mengambil kira perihal ini, pola hubungan di antara masyarakat Cina dan Melayu di Kelantan adalah baik serta jika wujud kekurangan maka ianya boleh ditambah baik melalui pembinaan persefahaman di antara mereka. Mungkin terdapat beberapa kelemahan, namun ianya tidaklah sampai menjadi tembok besar sehingga memisahkan mereka sepenuhnya. Asimilasi antara masyarakat Cina dan Melayu yang berlaku juga memainkan peranan yang cukup besar sehingga membawa kepada tahap keharmonian yang ada sekarang di negeri Kelantan.

## Kesimpulan

Realitinya di sini, berlakunya proses asimilasi di antara masyarakat Cina dengan Orang Melayu Kelantan dan hubungan kedua-dua komuniti ini dapat dijalankan dengan baik terutamanya dari sudut budaya. Namun tidak dinafikan bahawa wujud juga kekurangan dan halangan terhadap proses asimilasi ini dari sudut agama yang boleh ditambah baik melalui pembinaan persefahaman di antara orang Cina dan orang Melayu dari semasa ke semasa. Mungkin terdapat beberapa kelemahan, namun ianya tidaklah sampai menjadi tembok besar sehingga memisahkan mereka sepenuhnya. Asimilasi antara masyarakat Cina dan Melayu yang berlaku juga memainkan peranan yang cukup besar sehingga membawa kepada tahap keharmonian antara masyarakat yang ada sekarang di negeri Kelantan.

## Rujukan

- Baterah Alias, Huzaimeh Ismail & Najahudin Lateh. 2017. *Buku Revisi: Hubungan Etnik Di Malaysia*. Shah Alam: Oxford fajar.
- Chantavanich, S. 1997. From Siamese-Chinese To Chinese-Thai: Political Conditions And Identity Shifts Among The Chinese In Thailand. Dlm. Suryadinata, L. (Pnyt.). *Ethnics Chinese As Southeast Asians*, Hlm. 232-259. Singapore: Institute Of Asian Studies.
- Chew Hock Tong. 1993. *Studies on The Chinese Religion in Malaysia, Singapore and Indonesia: Chinese Beliefs and Practies in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Pelandok Publications.
- Hamidah Abdul Rahman, Norlin Ahmad & Shah Rollah Abdul Wahab. 2009. Konsep-Konsep Asas Hubungan Etnik Dlm. Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman. 2009. *Hubungan Etnik Di Malaysia: Perspektif Teori dan Praktik*, Hlm 1-15. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanapi Dollah. 1986. *Asimilasi Budaya:Kajian Kes Komuniti Cina Di Kelantan*. Monograf 12, Fakulti Sains Kemasyarakatan Dan Kemanusiaan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Statistik Malaysia. 2010. Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Agama, Jantina dan Negeri, Malaysia.  
[Https://Www.Statistics.Gov.My/Censusatlas/Images/Religionen.Pdf](https://Www.Statistics.Gov.My/Censusatlas/Images/Religionen.Pdf)
- Khoo Joo Ee. 1996. *The Straits Chinese: A Cultural History*. Amsterdam: The Pepin Press.

- Khoo Kay Kim. 2010. The Penang Baba/ Peranakan Chinese Community. Dlm. Sohaimi Abdul Aziz (Pnyt.). *Penang Peranakan Chinese And Chinese Muslim: An Historical And Cultural Journey*, Hlm 1-17. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang.
- Mohamad Nazri Ahmad Hanapi Dollah Teo Kok Seong. 2011. Penghayatan Tradisi Lisan Melayu Dalam Kalangan Masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 111 - 132
- Mohamed Yusoff Ismail. 2010. Buddhism In A Muslim State: Theravada Practices And Religious Life In Kelantan. *The Muslim World* 100:321-336.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2000. Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai Di Kelantan. Dlm Rahimah Abd Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (Pnyt.). *Masyarakat Budaya Dan Perubahan*, Hlm 113-124. Bangi: Penerbit Ukm.
- Mohammad Idris. 1997. Penghijrahan Orang Cina Ke Kelantan. *Jurnal Jebat*. Bil. 5/6, Hal. 82-95
- Mohd Azhar Abd. Hamida, Rosman Md. Yusuffa, Muhammed Fauzi Othmana, Mohd Koharuddin Balwia. 2012. Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi*. 60. Hlm. 11-19.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Haryati Hasan. 2010. Kebolehan Bahasa Masyarakat Cina Peranakan Kelantan. *Jurnal Usuluddin*. Vol 31. Hlm. 115-133.
- Mohd Shahrul Imran Lim Abdullah. 2013. Pengekalan Dan Perubahan Identiti Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Satu Kajian Kes Di Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan. Tesis Sarjana. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (Cenpris). Universiti Sains Malaysia.
- Ngeow, Y.M. 2004. Minority In An ‘Islamic State’: Response Of The Chinese Toward Islamisation Policies In Kelantan. Tesis Ph.D. Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya.
- Nik Zawawi Salleh. 2016. Kajian Pendekatan Dakwah Kepada Masyarakat Buddha Di Negeri Kelantan. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Kepimpinan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pue Giok Hun. 2012. Peranakan Sebagai Fenomena Sosial Dengan Tumpuan Kepada Komuniti Cina Peranakan di Kelantan. Tesis Dr. Fal, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pue Giok Hun & Charanjit Kaur. 2014. Identiti Etnik Minoriti di Malaysia: Antara Realiti Sosial Tafsiran Autoriti dan Tafsiran Harian. *Akademika*. 84(1&2) 2014:57-70.
- Reid, A. A Plural Peninsula. Dlm. Montesano, M.J. & Jory, P. (Pnyt.). *Thai South And Malay North: Ethnic Interactions On A Plural Peninsula*, Hlm. 1-38. Singapore: Nus Press.
- Rentse, A. 1934. A History Of Kelantan I. *Journal Of Malaysia Branch Of Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 12(2): 44-62.
- Sohaimi Abdul Aziz (Pnyt.). 2010. Penang Peranakan Chinese And Chinese Muslims: An Historical And Cultural Journey. Pulau Pinang: Persatuan Karyawan Pulau Pinang.
- Suryadinata, L. 2007b. Peranakan Chinese Identities In Singapore And Malaysia: A Re-Examination. Dlm. *Understanding The Ethnic Chinese In Southeast Asia*, Hlm. 129—147. Singapore: Institute Of Southeast Asian Studies.
- Tan Chee Beng. 1983. Acculturation And The Chinese In Melaka: The Expression Of Baba Identity Today. Dlm. Gosling, P. & Lim. L.Y.C. (Pnyt.). *The Chinese In Southeast Asia: Identity, Culture And Politics*, Hlm. 56-78. Singapore: Mazuren Asia.

- Tan Chee Beng. 1993. *Chinese Peranakan Heritage in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Teo Kok Seong. 2003. *The Peranakan Chinese of Kelantan: A Study of Cultural, Language and Communication of an Assimilated Group in Malaysia*. London: Asean Academic Press.
- Teo Kok Seong. 2008. Chinese-Malay-Thai Interactionsand The Making Of Kelantan Peranakan Chinese Ethnicity. Dlm. Montesano, M.J. & Jory, P. (Pnyt.). *Thai South And Malay North: Ethnic Interactions In A Plural Peninsula*, Hlm. 214-230. Singapore: Nus Press.
- Tweedie, M.W.F. 1953. An early Chinese account of Kelantan. *Journal Of Malaysia Branch Of Royal Asiatic Society* (JMBRAS) 26(1): 216-219.
- Wang Gungwu. 1988. The Study Of Chinese Identities In Southeast Asia. In Changing Identities Of The Southeast Asian Chinese Since World War II, Ed. J. W. Cushman And Wang Gungwu, 1–22. Hong Kong: Hong Kong University Press.